



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



<b>JAWATAN</b>	<b>:</b>	<b>PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN</b>
<b>GREDE</b>	<b>:</b>	<b>KP5</b>
<b>SKIM PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN</b>
<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PELAKSANA</b>
<b>TARAF JAWATAN</b>	<b>:</b>	<b>TETAP</b>
<b>LOKASI</b>	<b>:</b>	<b>JOHOR BAHRU</b>
<b>JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM</b>	<b>:</b>	<b>RM1,650.00 – RM6,620.00</b>
		<b>PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.1/2024</b>
<b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>	<b>:</b>	<b>RM145.00</b>
<b>IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM</b>	<b>:</b>	<b>RM160.00</b>
<b>IMBUHAN TETAP PERUMAHAN</b>	<b>:</b>	<b>RM300.00</b>
<b>BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP</b>	<b>:</b>	<b>RM350.00</b>

#### **SYARAT LANTIKAN:**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP5: RM1,650.00); atau
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP5: RM1,650.00); atau
- (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP5: RM1,650.00); atau
- (iv) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP5: RM1,650.00); atau
- (v) Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP5: RM1,893.00).

dan

- (b) (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm dan 84sm ukuran dada yang biasa dan semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

## **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN:**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Keselamatan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau  
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) had umur pelantikan:
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## **SYARAT UNIVERSITI:**

1. Keutamaan kepada calon yang memiliki sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/SPMV serta berkeupayaan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris, sama ada secara lisan mahupun penulisan.
2. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.
3. Sahsiah:
  - i. Mempunyai disiplin diri yang positif.
  - ii. Integriti.
  - iii. Berketerampilan baik dan kemas.
  - iv. Semangat kerja berpasukan dan kerjasama yang tinggi.
  - v. Sentiasa fokus kepada tugas yang dipertanggungjawabkan.
  - vi. Bersedia menerima beban tugas yang lebih mencabar.
  - vii. Komitmen kerja yang sangat tinggi.
  - viii. Berkemampuan melaksanakan tugas melebihi tugasan hakiki.
  - ix. Berkemampuan bekerja dalam apa jua situasi (work under pressure).
  - x. Bersedia melaksanakan tugas dengan penuh integriti, akauntabiliti dan ikhlas.
4. Mempunyai latar belakang dalam unit beruniform adalah kelebihan.

## DESKRIPSI TUGAS:

1. Membantu merangka, melaksanakan dan mengurus **pemusatan pemantauan semua sistem keselamatan kampus** melalui Security Monitoring & Operation Centre (SMOC).
2. Mengendalikan dan menyelaras operasi pemantauan bersepadu **Sistem CCTV, Sistem Kawalan Akses (Door Access), Sistem Rondaan Digital, sistem penggera dan dron keselamatan.**
3. Memastikan operasi pemantauan keselamatan di SMOC dilaksanakan secara berterusan (24/7) selaras dengan **Prosedur Operasi Standard (SOP)** dan tahap kesiapsiagaan keselamatan kampus.
4. Menerima, mengesahkan, merekod, mengeskalasi dan menyelaras **tindakan susulan terhadap insiden keselamatan** yang dikesan melalui sistem pemantauan berpusat.
5. Mengurus tadbir urus dan operasi **Sistem Kawalan Akses (Door Access)** termasuk pendaftaran pengguna, kawalan kebenaran akses, pemantauan log akses dan penyelenggaraan peralatan.
6. Mengurus operasi **Sistem CCTV** termasuk pemantauan rakaman, semakan insiden, penyimpanan data dan penyediaan bahan sokongan siasatan.
7. Menyelaras perancangan, pelaksanaan dan pemantauan penggunaan **dron keselamatan** bagi rondaan udara, pemantauan kawasan berisiko dan sokongan operasi keselamatan.
8. Mengurus dan menganalisis data **Sistem Rondaan Digital** bagi menilai pematuhan rondaan, keberkesanan penugasan dan prestasi anggota keselamatan.
9. Memastikan kebolehoperasian, kestabilan dan keberkesanan sistem pemantauan berpusat termasuk peralatan, sistem paparan dan infrastruktur sokongan SMOC.
10. Menyediakan **laporan operasi, analisis trend keselamatan dan cadangan penambahbaikan** kepada pihak pengurusan secara berkala.
11. Membantu mengkaji tahap keberkesanan sistem keselamatan sedia ada dan mencadangkan penambahbaikan selaras dengan perkembangan teknologi semasa.
12. Menyelaras latihan, pemantauan kompetensi dan sokongan teknikal kepada anggota keselamatan berkaitan penggunaan sistem digital keselamatan.
13. Mengurus pengendalian emel keselamatan dan sokongan komunikasi digital berkaitan operasi keselamatan kampus.
14. Memastikan pematuhan terhadap **dasar keselamatan, perundangan, perlindungan data dan privasi** dalam pengurusan sistem pemantauan berpusat.
15. Menyelaras kerjasama teknikal dengan pembekal, kontraktor dan pihak berkepentingan dalaman bagi pembangunan, naik taraf dan sokongan sistem keselamatan digital.
16. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pegawai Seksyen atau Pengarah Keselamatan dari semasa ke semasa.

## **CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:**

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian (<https://mohonjawatan.utm.my/lantikan/>) dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR melalui laman web UTM.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang sah, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. (Pengesahan oleh Pegawai Gred 9 dan ke atas).
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.